



## **SIARAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Serta-Merta  
8 Julai 2025**

### **Momentum Warisan KL Terus Meningkat: PNB Merdeka Ventures & Think City Bekerjasama dalam Inisiatif Komuniti Merdeka 118 dan Geran Kreatif KL**

**Kuala Lumpur, 8 Julai 2025** — Semangat Warisan KL: Warisan Ibu Kota Malaysia MADANI terus disemarakkan apabila PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PMVSB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), berganding bahu dengan Think City, anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad, untuk melancarkan pusingan baharu Program Geran Komuniti Merdeka 118 dan Kreatif KL.

Semasa berucap di majlis pelancaran, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa berkata, "Warisan KL menjadi panduan utama dalam merealisasikan Pelan Pembangunan Kuala Lumpur 2040 di mana inovasi, peluang dan ruang awam inklusif membentuk identiti sebenar sebuah kota Malaysia. Untuk mencapai visi ini, kerjasama pelbagai lapisan amat penting antara kerajaan, GLIC, sektor swasta, NGO dan komuniti merentasi kawasan untuk mewujudkan impak yang bermakna dan berkekalan. Perubahan sebenar menuntut rasa pemilikan bersama, dan program geran seperti ini memainkan peranan penting dalam menyemarakkan semangat kota serta merealisasikan aspirasi rakyat."

Kedua-dua aliran geran ini menggunakan pendekatan berdasarkan presint meliputi Jalan Petaling, Jalan Hang Tuah, Bukit Bintang, Kampung Attap dan Pudu, bagi memastikan pelaburan bersifat pemangkin disalurkan ke lokasi yang paling memerlukan. Sejak 2021, PNB telah menyalurkan hampir RM5 juta kepada 21 projek tempatan, merangkumi laluan warisan, *pop-up* perusahaan sosial serta inisiatif lain seperti penambahbaikan ruang awam, sokongan keusahawanan dan bantuan penempatan pekerjaan. Program Kreatif KL anjuran Think City pula melengkapi usaha ini dengan memperkuatkannya ekonomi kreatif dan budaya di kawasan teras bersejarah KL. Sejak 2020, sebanyak 67 projek inovatif telah menerima sokongan dengan pembiayaan melebihi RM6 juta, termasuk aktivasi budaya akar umbi, pemerkasaan ruang awam dan pembangunan perusahaan kreatif. Segala usaha ini mencerminkan semangat Warisan KL, membina sebuah kota yang berkembang pesat, inklusif dan penuh daya cipta melalui imaginasi komuniti, ekspresi budaya dan transformasi berdasarkan tempat.

Pengerusi Kumpulan PNB, YM Raja Tan Seri Dato' Sri Arshad Raja Tun Uda, berkata, "Sebagai sebahagian daripada Warisan KL, Merdeka 118 memainkan peranan penting dalam menyokong usaha menghidupkan semula budaya, dan menggalakkan pelancongan warisan di ibu kota, selain mencapai matlamat penjenamaan negara yang lebih luas. Kami berbesar hati kerana Program Geran Komuniti Merdeka 118 kini merupakan sebahagian daripada usaha sama untuk membayangkan semula Kuala Lumpur menerusi Warisan KL. Sejak dari mula lagi, inisiatif ini berteraskan usaha pembaharuan bersama komuniti sebagai tunjang utamanya. Kita telah melihat sendiri bagaimana inisiatif ini dapat memberikan hasil yang nyata."

Pengarah Urusan Think City, Dato' Hamdan Abdul Majeed, mengulas, "Kami berganding bahu dengan Program Geran Komuniti Merdeka 118 sejak dari mula lagi dan melihat bagaimana inisiatif akar umbi ini membentuk semula persekitaran bandar berkat sokongan kukuh. Dengan penyatuan kedua-dua program geran ini, termasuk Program Geran Kreatif KL yang turut disokong oleh Kementerian Kewangan, kami dapat melaksanakan pendekatan yang lebih menyeluruh dalam usaha peremajaan bandar, merangsang kreativiti dari peringkat akar umbi dan memperkasa komuniti untuk turut serta membentuk masa depan kota ini. Inisiatif-inisiatif ini semakin mendapat sambutan di peringkat lapangan, mencerminkan gelombang perubahan yang lebih luas, di

mana rakyat mula menghidupkan semula ruang awam, memperkuuh identiti setempat dan menjayakan visi Warisan KL.”

Permohonan untuk kedua-dua program geran akan dibuka mulai **8 Julai 2025**:

- **Program Geran Komuniti Merdeka 118 / Tarikh tutup: 10 Ogos 2025**

Tema: Pemeliharaan Warisan Budaya; Pemberdayaan Komuniti; Kandungan & Pengaktifan

- **Program Geran Kreatif KL/ Tarikh tutup: 24 Ogos 2025**

Tema: Identiti & Warisan Budaya; Pengaktifan & Libat Urus; Pertumbuhan Ekonomi & Inovasi; Kelestarian Alam Sekitar

Untuk maklumat lanjut dan memohon, sila layari [www.merdeka118.com](http://www.merdeka118.com) atau [www.thinkcity.com.my](http://www.thinkcity.com.my).

-*tamat-*

#### **Mengenai PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PMVSB)**

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PNBMV) ditubuhkan pada Jun 2000 dan merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). PNBMV ialah pemilik tanah dan pemegang amanah tunggal Stadium Merdeka dan juga Stadium Negara. Kedua-dua stadium ini telah disenaraikan sebagai tapak “Warisan Negara” pada Oktober 2005 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Selepas itu, PNBMV telah menjalankan usaha pemuliharaan yang teliti, sekali gus membolehkan Stadium Merdeka memenangi Anugerah Kecemerlangan UNESCO bagi Program Pemuliharaan Warisan Budaya (Asia Pasifik) 2008.

Presint Merdeka 118 ialah pembangunan kegunaan bercampur yang terdiri daripada ruang pejabat premium Gred A, Dek Pemerhatian The View at 118, hotel Park Hyatt Kuala Lumpur, pusat beli-belah tujuh tingkat yang dinamakan 118 Mall dan tiga menara kediaman premium yang dikenali sebagai ‘Merdeka Residences’. Pembangunan Merdeka 118 tersergam di taman linear 4 ekar yang dikenali sebagai ‘Merdeka Boulevard at 118’.

Menara Merdeka 118 telah diiktiraf sebagai menara bangunan kedua tertinggi di dunia oleh Majlis Bangunan Tinggi dan Habitat Bandar (CTBUH) pada Oktober 2023. Selepas itu, menara ini dibuka secara rasmi pada 10 Januari 2024 oleh Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.



@merdeka118



@merdeka\_118



@precinct\_118



Merdeka118

### **Mengenai Think City**

Think City adalah organisasi impak yang ditubuhkan pada tahun 2009 untuk menjadikan bandar lebih sesuai didiami, berdaya tahan dan lestari. Pengetahuan, kemahiran dan strategi kami memfokuskan kepada pengurusan dan pelaksanaan penyelesaian bandar, alam sekitar komuniti sosial dan ekonomi. Think City adalah anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad (dana kekayaan berdaulat Malaysia). Maklumat lanjut boleh diperoleh di [www.thinkcity.com.my](http://www.thinkcity.com.my).

### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

1. Hanafi Ismail; mhanafi\_mi@pnb.com.my | 013 325 2909
2. Alya Azhar; acorn communications; alya@acornco.com.my | 010 221 8216